

Rujukan kami: UMP.03.01/10.13/3 (28)

Tarikh: 23 Disember 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.3 TAHUN 2022
PINDAAN KEPADA PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)
BAB 4 - TATACARA TERIMAAN WANG UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2022 berkenaan Pindaan Kepada Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) Bab 4 - Tatacara Terimaan Wang Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

Disemak:




SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2022

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN KEPADA PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) BAB 4 - TATACARA TERIMAAN WANG UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pindaan dan penambahbaikan Bab 4 Tatacara Terimaan Wang, Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) Bagi Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali ke 33 Bil 3/2017 bertarikh 14/8/2017 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke 106 Bil 4/2017 bertarikh 31/7/2017, meluluskan supaya empat (4) kesan sekatan ke atas pelajar berhutang dikekalkan dalam PKPU iaitu:

- i. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran sebenar kursus
- ii. Ditahan daripada menduduki peperiksaan
- iii. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan
- iv. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen

2.2 Manakala kesan tindakan sekatan berikut telah digugurkan iaitu:

- i. Ditahan daripada menghadiri kuliah
- ii. Digantung pengajian
- ii. Digugurkan dari Universiti

2.3 Mesyuarat JTK Bil 3 Tahun 2021 meluluskan Cadangan Pindaan dan Penambahbaikan Pelaksanaan Sekatan Ke Atas Pelajar Berhutang dan seterusnya Bab 4 Tatacara Terimaan Wang, PKPU dikemaskini seperti perenggan 3.0.

3.0 PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERHUTANG

3.1 PKPU dipinda bagi perenggan berikut:

Asal

4.31 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Yuran

- (i) Universiti boleh menentukan apa-apa tindakan yang boleh dibuat terhadap pelajar yang gagal menjelaskan yuran dan bayaran yang ditetapkan. Pelajar yang gagal menjelaskan bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan-tindakan berikut:
 - (a) ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran sebenar kursus untuk semester akan datang;
 - (b) ditahan daripada menghadiri kuliah;
 - (c) ditahan daripada menduduki peperiksaan;
 - (d) ditahan keputusan peperiksaan;
 - (e) digantung pengajian;
 - (f) digugurkan dari Universiti; atau
 - (g) tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen.
- (ii) Jika yuran dan lain-lain tuntutan Universiti masih tidak dibayar, Universiti berhak membuat tuntutan atau mengambil tindakan undang-undang walaupun pelajar telah berhenti dari Universiti.

Dipinda kepada:

4.31 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Yuran

- (i) Universiti boleh menentukan apa-apa tindakan yang boleh dibuat terhadap pelajar yang gagal menjelaskan yuran dan bayaran yang ditetapkan. Pelajar yang gagal menjelaskan bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan-tindakan berikut:
 - (a) ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran sebenar kursus;
 - (b) tidak dibenarkan akses kepada sistem E-Comm, KALAM dan UDAS serta semua sistem akademik yang berkuatkuasa;
 - (c) ditangguhkan pengajian diambil kira;
 - (d) ditahan daripada menduduki peperiksaan;
 - (e) ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan;
 - (f) tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen.

- (ii) Tindakan sekatan kepada pelajar berhutang akan dikategorikan kepada dua(2) kategori iaitu pelajar berpenaja dan tidak berpenaja :-
 - (a) Pelajar berpenaja yang berhutang
 - a. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan;
 - b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem E-Comm, KALAM dan UDAS serta semua sistem akademik yang berkuatkuasa pada semester baharu;
 - c. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen

 - (b) Pelajar Tidak Berpenaja (pembiayaan sendiri) yang berhutang
 - a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran kursus sebenar;
 - b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, KALAM dan UDAS serta semua sistem akademik yang berkuatkuasa;

- c. Ditangguhkan pengajian diambil kira;
- d. Ditahan daripada menduduki peperiksaan;
- e. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan;
- f. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen

(iii) Jika yuran dan lain-lain tuntutan Universiti masih tidak dibayar, Universiti berhak membuat tuntutan atau mengambil tindakan undang-undang walaupun pelajar telah berhenti dari Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai semester 1 2021/2022.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menandatangani,


(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 23 Disember 2022

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang